No. Rujukan : UTeM.02.05.03/100-3/2/2 Jld. 3 (21)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 3 TAHUN 2016

GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) AGENSI SEKTOR AWAM

Pejabat Pendaftar
17 Ogos 2016

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.05.03/100-3/2/2 Jld. 3 (21) 17 OGOS 2016

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 3/2016

GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) AGENSI SEKTOR AWAM

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai keputusan pihak Universiti atas perakuan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3/2016 yang bersidang pada 30 Jun 2016, telah bersetuju untuk menerima pakai Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2015 mengenai – Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal Dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2015 menyediakan panduan bagi semua Bahagian, Agensi termasuk Universiti dan Badan Berkanun di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memohon kelulusan teknikal berhubung dengan projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) daripada Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) Universiti, Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) KPT dan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPT serta memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT.

3.0 KEADAAN SEMASA

3.1 Perolehan projek atau inisiatif ICT yang dilaksanakan di Universiti sehingga kini adalah merujuk kepada Surat Pekeliling ICT KPM Bil. 1 Tahun 2014: Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Inisiatif ICT Bahagian Jabatan, Agensi dan Badan Berkanun Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atau Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2009: Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Agensi Kerajaan yang dikeluarkan oleh MAMPU.

3.2 Antara projek ICT yang telah menggunapakai garis panduan ini ialah seperti jadual di bawah:

BIL	NAMA PROJEK	NILAI PORJEK (RM)	PERINGKAT KELULUSAN			
			JAWATANKUASA PENENTUAN TEKNIKAL UNIVERSITI	JTI KPT	JPICT KPT	JTICT MAMPU
1	Penaiktarafan Peralatan Rangkaian (Perkakasan Dan Perisian) Di UTeM	800,000.00	X	X	X	-
2	Sewaan Komputer Baru Di UTeM (800 unit, Tempoh 4 Tahun)	1,296,000.00	X	X	X	-
3	Perkhidmatan Penyelenggaraan Dan Sokongan Teknikal Peralatan Rangkaian Di UTeM (Tempoh 2 Tahun)	2,900,000.00	X	X	X	-
4	Menyediakan Perkhidmatan Internet & Intranet Dan Rangkaian Tanpa Wayar Kolej Kediaman di UTeM (Tempoh 3 Tahun)	7,069,800.60	X	X	X	X

3.3 Pada masa kini, kaedah permohonan kelulusan teknikal projek ICT di Universiti hanya diluluskan oleh Jawatankuasa Penentuan Teknikal Universiti. Ia akan di bawa ke Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) KPT dan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPT sebelum di bawa ke Jawatankuasa ICT (JTICT) MAMPU mengikut had nilai yang telah ditetapkan.

3.4 Berdasarkan Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2015 semua projek ICT perlu mendapat kelulusan teknikal di mana ia hendaklah melalui dua (2) jawatankuasa di peringkat Universiti iaitu Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) Universiti dan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Universiti. Untuk itu, pihak Universiti telah menubuhkan dua (2) jawatankuasa ini iaitu Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) Universiti dan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Universiti dalam memantapkan tadbir urus ICT Universiti.

4.0 KEPERLUAN MENERIMA PAKAI GARIS PANDUAN

Sebagai sebuah agensi di bawah sektor awam, Universiti akan mematuhi dan menerima pakai sepenuhnya Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal Dan Pemantauan Projek ICT Sektor Awam kerana:

4.1 Pematuhan ke atas garis panduan permohonan kelulusan teknikal projek ICT telah pun dipatuhi sebelum ini, untuk itu ia perlu diperakukan untuk kelulusan secara rasmi oleh pihak pengurusan Universiti.

4.2 Berdasarkan kepada garis panduan di dalam Surat Pekeliling ini, semua permohonan kelulusan teknikal projek ICT perlu dinilai melalui Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) Universiti dan mengesyorkan perakuan teknikal kepada Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Universiti serta memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT Universiti.

4.3 Universiti hendaklah memohon kelulusan teknikal perolehan projek ICT daripada Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPT mengikut had nilai yang telah ditetapkan.

4.4 Universiti hendaklah memantau dan melaporkan kemajuan pembangunan projek ICT kepada Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) KPT. Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) KPT akan melaporkan pembangunan projek ICT kepada Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPT mengikut tempoh masa seperti yang telah ditetapkan dalam garis panduan.

4.5 Universiti hendaklah mengemukakan permohonan perolehan projek ICT, melaporkan dan memantau semua projek ICT yang dibangunkan dan dilaksanakan melalui **Sistem Aplikasi Profil Projek ICT (PROFIT)**.

5.0 TADBIR URUS KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK ICT UNIVERSITI

5.1 UTeM merupakan agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan dicadangkan untuk menubuhkan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) iaitu satu jawatankuasa ICT yang tertinggi yang sama fungsinya dengan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) yang berada di agensi sektor awam yang lain.

5.2 Setiap perolehan projek ICT di Universiti mesti melalui Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) dan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) di peringkat Universiti untuk kelulusan sebelum di bawa ke Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) KPT. Setelah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) KPT ia akan di bawa ke Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPT untuk tindakan seterusnya.

5.3 Secara keseluruhan tadbir urus kelulusan teknikal dan pemantauan projek ICT Universiti yang dicadangkan adalah seperti **Rajah 1**. (Ini melibatkan Universiti, Kementerian dan MAMPU mengikut had nilai kelulusan)

Rajah 1: Tadbir Urus Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek ICT Universiti



6.0 SKOP DAN HAD NILAI KELULUSAN

6.1 Terdapat tiga (3) jawatankuasa yang boleh membuat kelulusan teknikal bagi projek atau inisiatif ICT di Universiti mengikut had nilai masing-masing iaitu Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Universiti, Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPT dan Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA).

6.2 Skop projek ICT yang memerlukan kelulusan teknikal Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) meliputi projek baru, peningkatan sistem, pertambahan peralatan dan peluasan projek. Had nilai permohonan perolehan projek ICT yang

memerlukan kelulusan teknikal Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) adalah seperti yang berikut:

(i) Permohonan perolehan projek ICT yang melibatkan SISTEM APLIKASI bernilai **RM1 juta** atau lebih; dan / atau

(ii) Permohonan perolehan projek ICT yang melibatkan PERKAKASAN dan / atau PERISIAN dan/atau RANGKAIAN dan / atau PERKHIDMATAN bernilai **RM5 juta** atau lebih.

6.3 Skop dan had nilai permohonan projek ICT yang **tidak** memerlukan kelulusan teknikal JTISA adalah seperti di **Lampiran 1.**

7.0 PELAKSANAAN

Pelaksanaan permohonan kelulusan teknikal dan pemantauan projek ICT Universiti hendaklah berpandukan **Garis Panduan** seperti di **Lampiran 2.** Garis Panduan ini menjelaskan tadbir urus permohonan teknikal projek ICT, tatacara permohonan kelulusan teknikal projek ICT serta pelaporan dan pemantauan projek ICT seperti yang berikut:

7.1 Tadbir urus yang melibatkan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT), dan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) di peringkat Universiti dan KPT.

7.2 Tatacara permohonan merangkumi proses permohonan, skop dan had nilai permohonan projek serta pendekatan pelaksanaan projek ICT.

7.3 Kekerapan pelaporan dan pemantauan kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT.

8.0 TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN TEKNIKAL JTISA

Tempoh sah laku kelulusan teknikal perolehan projek ICT yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) ialah tiga (3) tahun daripada tarikh surat kelulusan.

9.0 TARIKH KUAT KUASA

9.1 Surat Pekeliling Pentadbiran ini perlulah dibaca bersama Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 yang dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

9.2 Surat Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

10.0 PEMBATALAN

10.1 Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Pentadbiran ini, maka ianya akan membatalkan:

(i) Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2009 - Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Agensi Kerajaan yang dikeluarkan oleh MAMPU; dan

(ii) Surat Pekeliling ICT KPM Bil. 1 Tahun 2014 - Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Inisiatif ICT Bahagian Jabatan / Agensi dan Badan Berkanun Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Sekian, terima kasih.

"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"

Saya yang menurut perintah,

DATUK HASAN BIN SIRUN
Pendaftar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
/pppk

Lampiran 1

Had Nilai Dan Peringkat Kelulusan Teknikal Projek ICT
Bagi Agensi Di Bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

BIL	PROJEK			PERINGKAT KELULUSAN		
	KATEGORI PEROLEHAN PROJEK	SKOP PROJEK	NILAI PORJEK (RM) JUTA (J) RIBU (K)	JPICT UNIVERSITI	JPICT KPT	JTISA
A	Projek Baharu	1. Pembangunan, naik taraf sistem aplikasi dan/ atau integrasi	< 50K	X	-	-
			≥ 50K hingga < 1J	X	X	-
			≥ 1J	X	X	X
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	X	-	-
			≥ 500K hingga < 5J	X	X	-
			≥ 5J	X	X	X
B	Peningkatan sistem	1. Naik taraf sistem aplikasi dan/atau intergrasi.	< 1J	X	X	-
			≥ 1J	X	X	X
		2. Naik taraf perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	X	-	-
			≥ 500K hingga < 5J	X	X	-
			≥ 5J	X	X	X
C	Pertambahan Peralatan	Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	X	-	-
			≥ 500K hingga < 5J	X	X	-
			≥ 5J	X	X	X
D	Peluasan Projek	1. Peluasan penggunaan sistem aplikasi.	< 1J	X	X	-
			≥ 1J	X	X	X
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	X	-	-
			≥ 500K hingga < 5J	X	X	-
			≥ 5J	X	X	X

Lampiran 2

KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2015

GARIS PANDUAN
PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL
DAN PEMANTAUAN PROJEK
TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)
AGENSI SEKTOR AWAM

JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA

11 November 2015

Diedarkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

JABATAN PERDANA MENTERI
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

No. Tel. : 03-8000 8000
No. Faks: 03-8888 3721

Ruj. Kami: MAMPU.600–1/3/4 (6)
Tarikh: 11 November 2015

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2015

GARIS PANDUAN
PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL
DAN PEMANTAUAN PROJEK
TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)
AGENSI SEKTOR AWAM

TUJUAN

Surat Pekeliling Am ini bertujuan untuk menyediakan panduan bagi agensi Sektor Awam memohon kelulusan teknikal projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) daripada Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) yang berurus setia di Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) serta memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2006 (PA 2/2006) bertajuk Pengukuhan Tadbir Urus Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) telah menetapkan peranan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) adalah untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan projek ICT Sektor Awam.

3. Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan Bil. 8/2014 bertarikh 19 Ogos 2014 telah meminta MAMPU, JPM mengkaji kelemahan dalam pengurusan pelaksanaan projek ICT untuk menjadi panduan dalam pelaksanaan projek ICT pada masa hadapan.

4. Mesyuarat turut mencadangkan semua projek yang dilaksanakan secara elektronik termasuk projek inisiatif pembiayaan swasta [Private Finance Initiative (PFI)]/kerjasama awam-swasta [Public-Private Partnership (PPP)] hendaklah mendapat kelulusan teknikal terlebih dahulu sebelum dilaksanakan.

5. Kajian Pengukuhan Tadbir Urus Kelulusan Teknikal Projek ICT yang dijalankan oleh MAMPU, JPM pada November 2014 telah mencadangkan penambahbaikan terhadap Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2009: Garis Panduan Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Agensi Kerajaan dengan mengambil kira hasil kajian dan perkembangan teknologi semasa.

6. JTISA ialah satu jawatankuasa yang ditubuhkan bagi menimbangkan dan meluluskan permohonan kelulusan teknikal daripada agensi Sektor Awam berdasarkan pelan strategik organisasi

dan pelan strategik ICT agensi masing-masing bagi perolehan projek ICT.

7. JTISA menilai permohonan projek ICT agensi Sektor Awam dari aspek daya maju teknikal, pengoptimuman sumber dan keberkesanan kos bagi menyokong keperluan perkhidmatan teras sesebuah agensi. Hal ini bertujuan untuk memastikan projek ICT yang dilaksanakan mempunyai nilai tambah serta dapat memberi pulangan nilai untuk wang (value for money), impak dan keberkesanan yang tinggi kepada rakyat sekaligus meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

TAKRIFAN

8. Takrifan yang digunakan dalam Surat Pekeliling Am ini adalah seperti yang berikut:

(a) "**Agensi Sektor Awam**" merujuk kepada semua peringkat pentadbiran Kerajaan, iaitu agensi Kerajaan Persekutuan, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);

(b) "**Inisiatif Pembiayaan Swasta/Kerjasama Awam-Swasta**" merujuk kepada kaedah pembiayaan projek ICT di bawah Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS), JPM;

(c) "**Pembangunan Projek ICT**" merujuk kepada tempoh pembangunan semua aktiviti perolehan projek ICT dan/atau

pembangunan sistem aplikasi sehingga projek ICT selesai;

(d) "**Pelaksanaan Projek ICT**" merujuk kepada tempoh pengoperasian projek ICT selepas pembangunan selesai;

(e) **"Daya Maju Teknikal"** merujuk kepada kualiti teknikal bagi memastikan keberkesanan dan kejayaan projek ICT;

(f) "**Pengoptimuman Sumber**" merujuk kepada kaedah dan proses konsolidasi sumber seperti perkongsian infrastruktur, integrasi sistem aplikasi dan perkongsian kepakaran untuk tujuan keberkesanan dan penjimatan kos projek ICT; dan

(g) **"Projek ICT yang berimpak tinggi"** merujuk kepada projek ICT berorientasikan pelanggan/rakyat (customer centric project) yang mempunyai kompleksiti yang tinggi serta liputan penggunaan yang luas di pelbagai peringkat pengguna.

TANGGUNGJAWAB AGENSI

9. Semua agensi Sektor Awam dikehendaki mematuhi Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek ICT Sektor Awam dengan mengambil tindakan seperti yang berikut:

(a) Setiap agensi bertanggungjawab memastikan penubuhan dan pelaksanaan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) di agensi Sektor Awam;

(b) Setiap Kementerian dan Pejabat SUK Negeri bertanggungjawab memastikan penubuhan dan pelaksanaan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) di peringkat Kementerian dan Pejabat SUK Negeri;

(c) Agensi Kerajaan Persekutuan, iaitu Kementerian, Jabatan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan hendaklah memohon kelulusan teknikal perolehan projek ICT daripada JPICT di peringkat Kementerian;

(d) Agensi Kerajaan Negeri, iaitu Pejabat SUK Negeri dan Jabatan Negeri hendaklah memohon kelulusan teknikal perolehan projek ICT daripada JPICT di peringkat Pejabat SUK Negeri;

(e) Agensi di bawah JPM, Badan Berkanun Negeri dan PBT hendaklah memohon kelulusan teknikal perolehan projek ICT daripada JPICT masing-masing;

(f) JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri berfungsi menyelaraskan dan mengemukakan permohonan projek ICT bagi agensi di bawahnya kepada JTISA untuk kelulusan teknikal mengikut had nilai yang ditetapkan;

(g) JPICT agensi di bawah JPM hendaklah mengemukakan terus permohonan projek ICT kepada JTISA untuk kelulusan teknikal mengikut had nilai yang ditetapkan;

(h) JTI Kementerian/Pejabat SUK Negeri berfungsi menilai semua permohonan projek ICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri dan

semua agensi di bawahnya dan mengesyorkan perakuan teknikal kepada JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri serta memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri dan semua agensi di bawahnya;

(i) Agensi di bawah Kementerian/Pejabat SUK Negeri hendaklah memantau dan melaporkan kemajuan pembangunan projek ICT kepada JTI Kementerian/Pejabat SUK Negeri. Seterusnya, JTI Kementerian/Pejabat SUK Negeri melaporkan pembangunan projek ICT kepada JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri;

(j) JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri, JPICT JPM/JPICT agensi di bawah JPM hendaklah melaporkan kemajuan pembangunan projek ICT kepada JTISA bagi projek ICT yang diluluskan oleh JTISA;

(k) Setiap agensi hendaklah memantau dan melaporkan kemajuan projek ICT **setiap bulan** dari tarikh kelulusan JTISA atau JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri atau JPICT JPM atau JPICT agensi di bawah JPM;

(l) JTI Kementerian/Pejabat SUK Negeri hendaklah memantau dan melaporkan pelaksanaan projek ICT agensi di bawahnya kepada JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri. Seterusnya, JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri hendaklah melaporkan pelaksanaan projek ICT agensi di bawahnya yang diluluskan oleh JTISA kepada JTISA **selepas satu (1) tahun**

projek dilaksanakan (go live);

(m) JPICT JPM/JPICT agensi di bawah JPM hendaklah melaporkan pelaksanaan projek ICT agensi di bawahnya yang diluluskan oleh JTISA kepada JTISA **selepas satu (1) tahun projek dilaksanakan (go live)**; dan

(n) Setiap agensi hendaklah mengemukakan permohonan perolehan projek ICT, melaporkan dan memantau semua projek ICT yang dibangunkan dan dilaksanakan melalui Sistem Aplikasi Profil Projek ICT (PROFIT).

10. Tadbir Urus Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek ICT Agensi Sektor Awam adalah seperti **Rajah 1**.



Rajah 1: Tadbir Urus Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek ICT Agensi Sektor Awam

SKOP DAN HAD NILAI KELULUSAN

11. Skop projek ICT yang memerlukan kelulusan teknikal JTISA meliputi projek baharu, peningkatan sistem, pertambahan peralatan dan peluasan projek.

12. Had nilai permohonan perolehan projek ICT yang memerlukan kelulusan teknikal JTISA adalah seperti yang berikut:

(a) Permohonan perolehan projek ICT yang melibatkan **SISTEM APLIKASI** bernilai **RM1 juta atau lebih**; dan/atau

(b) Permohonan perolehan projek ICT yang melibatkan **PERKAKASAN** dan/atau **PERISIAN** dan/atau **RANGKAIAN** dan/atau **PERKHIDMATAN** bernilai **RM5 juta atau lebih**.

13. Skop dan had nilai permohonan projek ICT yang tidak memerlukan kelulusan teknikal JTISA adalah seperti dalam Garis Panduan ini di **Lampiran 1**.

PELAKSANAAN

14. Pelaksanaan permohonan kelulusan teknikal dan pemantauan projek ICT agensi Sektor Awam hendaklah berpandukan Garis Panduan ini seperti di **Lampiran 1**. Agensi hendaklah menyelesaikan isu dasar seperti pindaan akta, perubahan proses dan seumpamanya sebelum projek ICT dilaksanakan.

15. Garis Panduan ini menjelaskan tadbir urus permohonan teknikal projek ICT, tatacara permohonan kelulusan teknikal projek ICT serta pelaporan dan pemantauan projek ICT seperti yang berikut:

(a) Tadbir urus yang melibatkan Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal di peringkat Sektor Awam;

(b) Tatacara permohonan merangkumi proses permohonan, skop dan had nilai permohonan projek serta pendekatan pelaksanaan projek ICT; dan

(c) Kekerapan pelaporan dan pemantauan kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT.

TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN TEKNIKAL JTISA

16. Tempoh sah laku kelulusan teknikal perolehan projek ICT yang dikeluarkan oleh JTISA ialah **tiga (3) tahun dari tarikh surat kelulusan**.

PEMAKAIAN

17. Surat Pekeliling Am ini terpakai kepada semua agensi Sektor Awam bagi semua projek ICT yang dibiayai oleh peruntukan kewangan Persekutuan atau projek ICT yang dilaksanakan melalui kaedah PFI/PPP.

18. Tertakluk pada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Am ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan PBT.

TARIKH KUAT KUASA

19. Surat Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan.

PEMBATALAN

20. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Am ini, maka Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2009 - Garis Panduan Mengenai

Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Agensi Kerajaan dibatalkan.

PERTANYAAN

21. Sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling Am ini boleh dikemukakan kepada:

Urus Setia Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA),
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri
Aras 6, Blok B2
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

No. Telefon : 03 - 8000 8000
No. Faksimile : 03 - 8000 8001
E-mel : urussetiajtisa@mampu.gov.my

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

TAN SRI DR. ALI HAMSA
Ketua Setiausaha Negara

Lampiran 1 kepada
Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015

GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) AGENSI SEKTOR AWAM

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri

KANDUNGAN

PERKARA		MUKA SURAT
1.	TUJUAN	1
2.	KEAHLIAN DAN BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT SEKTOR AWAM (JTISA)	1
3.	PANEL PAKAR BIDANG ICT DAN BIDANG KHUSUS	2
4.	PENUBUHAN DAN PERANAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) AGENSI SEKTOR AWAM	3
5.	PENUBUHAN DAN PERANAN JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT (JTI) KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI	6
6.	SKOP PROJEK ICT YANG MEMERLUKAN KELULUSAN TEKNIKAL JTISA	7
7.	PENGURUSAN NILAI	12
8.	JAMINAN KUALITI	13
9.	SISTEM APLIKASI PROFIL PROJEK ICT (PROFIT)	13
10.	TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT	13
11.	PEMANTAUAN DAN PELAPORAN KEMAJUAN PEMBANGUNAN PROJEK ICT YANG DILULUSKAN OLEH JPICT DAN/ATAU JTISA	20
12.	PEMANTAUAN DAN PELAPORAN KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK ICT YANG DILULUSKAN OLEH JPICT DAN/ATAU JTISA	21
13.	PENUTUP	22

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	PERKARA	MUKA SURAT
LAMPIRAN A	Bidang Rujukan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) A-1 - JPICT Kementerian A-2 - JPICT Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan A-3 - JPICT Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) A-4 - JPICT Negeri A-5 - JPICT Jabatan Negeri/Badan Berkanun Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan	23
LAMPIRAN B	Bidang Rujukan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) Kementerian/Pejabat SUK Negeri	34
LAMPIRAN C	Panduan Pendekatan Pelaksanaan dan Ciri-ciri Projek ICT	36
LAMPIRAN D	Had Nilai dan Peringkat Kelulusan Teknikal Projek ICT	38
LAMPIRAN E	Carta Alir Prosedur Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT	42

GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) AGENSI SEKTOR AWAM

1. TUJUAN

1.1 Dokumen ini bertujuan untuk menyediakan panduan kepada agensi Sektor Awam mengenai tatacara memohon kelulusan teknikal dan memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

2. KEAHLIAN DAN BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT SEKTOR AWAM (JTISA)

2.1 Keahlian JTISA adalah seperti yang berikut:

Pengerusi: Ketua Pegawai Maklumat Kerajaan (GCIO) MAMPU

Ahli-ahli:

(a) Wakil Bahagian Perolehan, Kementerian Kewangan;

(b) Wakil Unit Perancang Ekonomi;

(c) Wakil Jabatan Audit Negara;

(d) Wakil Pejabat Ketua Keselamatan Kerajaan Malaysia;

(e) Ketua Perunding ICT MAMPU;

(f) Wakil Sektor ICT MAMPU; dan

(g) Ahli-ahli jemputan.

Urus Setia: Sektor ICT, MAMPU

2.2 Bidang rujukan JTISA adalah seperti yang berikut:

(a) Menimbang dan memberi kelulusan teknikal projek ICT bagi agensi Sektor Awam berdasarkan pelan strategik organisasi dan pelan strategik ICT agensi masing-masing;

(b) Memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT agensi yang diluluskan oleh JTISA;

(c) Memantau keberkesanan dan impak pelaksanaan projek ICT agensi berdasarkan sasaran yang ditetapkan;

(d) Menyelaras dan memudah cara penyelesaian masalah dan isu semasa dalam pembangunan atau pelaksanaan projek ICT di agensi Sektor Awam bersama dengan pihak yang berkaitan; dan

(e) Menyediakan laporan kepada Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK).

3. PANEL PAKAR BIDANG ICT DAN BIDANG KHUSUS

3.1 Panel Pakar Bidang ICT dan Bidang Khusus dilantik oleh Ketua Pengarah MAMPU/GCIO untuk memperkukuh JTISA dalam penilaian projek ICT. Panel Pakar Bidang ICT dan Bidang Khusus terdiri daripada perunding/pakar ICT MAMPU yang mempunyai kepakaran dalam bidang ICT dan kepakaran khusus [subject matter expert (SME)] mengikut

bidang yang berkaitan, contoh: sistem maklumat geografi [geographic information system (GIS)], kewangan, biometrik dan seumpamanya.

3.2 Panel Pakar Bidang ICT dan Bidang Khusus berperanan memberi khidmat nasihat kepada JTISA bergantung pada bidang kepakaran ICT yang diperlukan.

3.3 Bidang rujukan Panel Pakar Bidang ICT dan Bidang Khusus adalah seperti yang berikut:

(a) Memberi khidmat nasihat teknikal projek ICT mengikut bidang kepakaran dengan mengambil kira perkembangan teknologi baharu;

(b) Memberi khidmat nasihat kepada JTISA dalam membuat analisis dan penilaian terhadap permohonan perolehan projek ICT oleh agensi Sektor Awam; dan

(c) Memberi khidmat nasihat atau perundingan dalam penyelesaian masalah dan isu semasa bagi pembangunan atau pelaksanaan projek ICT di agensi Sektor Awam.

4. PENUBUHAN DAN PERANAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) AGENSI SEKTOR AWAM

4.1 Semua Kementerian dan Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri bertanggungjawab menubuhkan

Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) untuk menyelaras dan memantau permohonan perolehan, pembangunan dan pelaksanaan projek ICT bagi agensi di bawahnya. Agensi di bawah Kementerian dan Negeri juga perlu menubuhkan JPICT sendiri bagi menyelaraskan permohonan projek ICT di peringkat agensi masing-masing.

4.2 Keahlian JPICT dan bidang tugasnya mengikut peringkat pentadbiran adalah seperti di **LAMPIRAN A: Bidang Rujukan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT)**. Perincian bidang rujukan mengikut peringkat pentadbiran adalah seperti yang berikut:

(a) Lampiran A A-1: Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian;

(b) Lampiran A A-2: Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan;

(c) Lampiran A A-3: Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM);

(d) Lampiran A A-4: Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Negeri; dan

(e) Lampiran A A-5: Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Jabatan Negeri/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan.

4.3 JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri hendaklah memastikan agensi di bawahnya melaksanakan kajian pasaran, penentuan skop, kajian ketersauran dan kajian lain

mengikut keperluan projek bagi memantapkan permohonan perolehan projek ICT. JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri juga hendaklah memastikan agensi di bawahnya melaksanakan Kajian Pasca pelaksanaan [Post Implementation Review (PIR)] sekurang-kurangnya **enam (6) bulan selepas keseluruhan projek dilaksanakan (go live)** bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan projek ICT dan mengemukakan laporan PIR kepada JTISA. Sebelum projek ICT dipeluas, JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri juga hendaklah memastikan agensi di bawahnya melaksanakan kajian impak projek ICT bagi mengenal pasti anggaran keperluan sumber sebenar seperti sumber kewangan, sumber manusia dan keperluan infrastruktur.

4.4 Bagi projek ICT yang berimpak tinggi, agensi Sektor Awam disarankan untuk mendapatkan khidmat perundingan daripada Perunding ICT MAMPU dari peringkat awal perancangan projek bagi mendapat penyelesaian terbaik dan memastikan cadangan keseluruhan projek yang mantap. Ini juga dapat mengelakkan perancangan projek yang condong ke arah cadangan pembekal (vendor driven). Permohonan khidmat perundingan Perunding ICT MAMPU hendaklah diselaraskan dan diputuskan oleh JPICT Kementerian/ Pejabat SUK Negeri.

4.5 JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri hendaklah memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT dan melapor kepada JTISA. Perincian mengenai

pelaporan ini adalah seperti yang ditetapkan di **perenggan 11** dan **12**.

4.6 JPICT semua peringkat pentadbiran bertanggungjawab untuk memastikan semua perolehan projek ICT yang dibuat adalah berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan. **Peranan Audit Dalam Kementerian/Agensi boleh dilibatkan bagi tujuan ini**.

4.7 Semua perolehan ICT juga hendaklah berdasarkan kepada pelan strategik organisasi dan pelan strategik ICT agensi masing-masing. JTISA dan JPICT akan memberi keutamaan kepada projek ICT yang telah dirancang dalam pelan strategik organisasi dan pelan strategik ICT.

4.8 Semua perolehan ICT hendaklah mendapat kelulusan peruntukan daripada agensi pusat yang meluluskan peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan sebelum dikemukakan untuk kelulusan teknikal di peringkat JPICT masing-masing.

5. PENUBUHAN DAN PERANAN JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT (JTI) KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI

5.1 Semua Kementerian dan Pejabat SUK Negeri bertanggungjawab menubuhkan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) untuk memproses, menilai dan mengesyorkan

perakuan teknikal projek ICT semua agensi di bawahnya kepada JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri.

5.2 Keahlian JTI dan bidang tugasnya mengikut peringkat pentadbiran adalah seperti di **LAMPIRAN B: Bidang Rujukan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) Kementerian/ Pejabat SUK Negeri**.

6. SKOP PROJEK ICT YANG MEMERLUKAN KELULUSAN TEKNIKAL JTISA

6.1 Skop projek ICT yang perlu mendapatkan kelulusan teknikal JTISA adalah seperti yang berikut:

(a) **Projek Baharu**

Projek baharu bermaksud projek pengkomputeran yang melibatkan salah satu atau gabungan aktiviti perolehan perkakasan, perisian, rangkaian, pengurusan data, pembangunan sistem aplikasi serta perkhidmatan berasaskan ICT untuk membangunkan projek ICT agensi Sektor Awam seperti yang berikut:

(i) **Pembangunan Sistem Aplikasi** yang dimaksudkan merangkumi pembangunan sistem aplikasi menggunakan perisian pembangunan, *customization* dan/atau integrasi;

(ii) **Perkakasan ICT** yang dimaksudkan merangkumi semua jenis perkakasan atau peranti elektronik yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu projek ICT, iaitu peralatan input/output (contoh: pencetak, pengimbas, alat baca biometrik, Suara Melalui IP (VoIP), pemprosesan, storan data, multimedia, [contoh: persidangan video (video conferencing)], perkakasan komunikasi mudah alih [contoh: jalur lebar tanpa wayar (wireless broadband)] dan perkakasan komunikasi berteknologi tinggi (contoh: radar, satelit);

(iii) **Perisian ICT** yang dimaksudkan merangkumi semua jenis perisian sistem, perisian aplikasi dan lesen perisian (pembelian dan pembaharuan). Perisian sistem merangkumi sistem operasi, pangkalan data dan perisian bagi membangunkan sistem. Perisian aplikasi ialah perisian yang digunakan untuk menyokong kerja-kerja harian dalam urusan pengurusan dan pentadbiran pejabat serta pengajaran dan pembelajaran;

(iv) **Rangkaian ICT** yang dimaksudkan merangkumi perolehan perkakasan, perolehan perisian dan perolehan perkhidmatan bagi menyediakan kemudahan rangkaian luas [Wide Area Network (WAN)], rangkaian setempat [Local Area Network (LAN)] dan rangkaian tanpa wayar; dan

(v) **Perkhidmatan-perkhidmatan lain** berasaskan ICT yang dimaksudkan merangkumi semua jenis perkhidmatan teknikal yang diperoleh daripada syarikat perunding swasta, kontraktor dan syarikat-syarikat lain yang berkaitan. Antara contoh perkhidmatan ICT termasuklah instalasi dan konfigurasi perkakasan, pemasangan sistem, pengurusan perubahan (CM), latihan dan pemindahan teknologi (TOT), pejabat pengurusan projek (PMO), pengurusan data (migrasi, pemurnian, kunci masuk, pemulihan, penukaran), perkhidmatan keselamatan ICT, sewaan perkakasan, perkhidmatan pengehosan (hosting), migrasi sistem, langganan maklumat dalam talian dan seumpamanya.

(b) **Peningkatan Sistem**

Peningkatan sistem bermaksud mempertingkatkan keupayaan, perubahan dan/atau pertambahan skop/ tempoh, *change request* (CR) atau menaik taraf perkakasan, perisian, rangkaian, aplikasi dan/atau perkhidmatan ICT. Contoh yang dimaksudkan seperti peningkatan perkakasan dari segi konfigurasi dan kapasiti, pengemaskinian fungsi dalam sistem ICT sedia ada kepada tahap yang lebih baik, peningkatan saiz lebar jalur (bandwidth) serta peluasan rangkaian, perubahan dan/atau pertambahan skop perkhidmatan sedia ada kepada yang lebih baik dan seumpamanya.

(c) **Pertambahan Peralatan**

Pertambahan peralatan bermaksud menambahkan bilangan bagi mana-mana perkara di bawah kategori perkakasan, perisian dan/atau rangkaian bagi projek ICT sedia ada.

(d) **Peluasan Projek**

Peluasan (roll-out) projek bermaksud memperkembangkan pelaksanaan projek ICT dari lokasi sedia ada ke lokasi-lokasi lain atau dengan menambah bilangan pengguna di lokasi yang sama atau pun kedua-duanya sekali.

6.2 Perolehan peralatan bukan ICT **boleh dilaksanakan bersama** dengan perolehan projek ICT sekiranya perolehan peralatan bukan ICT menyokong pelaksanaan projek baharu ICT [Contoh: perolehan televisyen litar tertutup (Closed-Circuit TV (CCTV))], bekalan kuasa tanpa gangguan [Uninterruptible Power Supply (UPS)], rak pelayan dan penyaman udara untuk tujuan membangunkan pusat data atau perolehan projektor bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran).

6.3 Perolehan perkhidmatan penyenggaraan selepas tamat tempoh waranti **tidak boleh dilaksanakan bersama** dengan perolehan projek ICT.

6.4 Garis Panduan ini terpakai bagi semua projek ICT agensi Sektor Awam yang dibiayai oleh peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan atau projek ICT yang dilaksanakan melalui kaedah inisiatif pembiayaan swasta [Private Finance Initiative (PFI)]/kerjasama awam-swasta [Public-Private Partnership (PPP)] di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

6.5 Perolehan yang **dikecualikan** daripada mendapat kelulusan teknikal JTISA adalah seperti yang berikut:

(a) Perkhidmatan penyenggaraan peralatan ICT dan sistem aplikasi;

(b) Perkhidmatan ICT yang memerlukan perlanjutan seperti langganan maklumat dalam talian, sewaan talian Internet dan perkhidmatan pengehosan (hosting) yang tiada perubahan kepada skop asal tidak perlu memohon kelulusan teknikal JTISA bagi perkhidmatan seterusnya;

(c) Perolehan peralatan teknologi baharu dan peralatan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) tertakluk kepada 1PP PK1/2013 Perenggan 6 (x) bertajuk Garis Panduan Mengenai Penyelarasan Penggunaan dan Perolehan Kemudahan dan Peralatan Teknologi Baru di agensi Kerajaan;

(d) Perolehan bagi peralatan bukan ICT yang digabung dengan peralatan ICT untuk tujuan khas seperti

perkakasan instrumen saintifik, contoh teleskop di balai cerapan); perubatan, contoh: mesin pengimejan resonans magnetik [magnetic resonance imaging (MRI)]; keselamatan, contoh: Sistem Risikan Tentera (Military Intelligence System), Sistem Pengukuran Amaran (Alert Measurement System), Radio Komunikasi Tentera Kriptografi (Cryptography Military Communications Radio); kejuruteraan, contoh: Simulator Penerbangan Penuh (Full Flight Simulator) dan seumpamanya; dan

(e) Komponen alat ganti, barang pakai habis (consumable item), aksesori, perabot komputer, kamera, projektor, CCTV, penyaman udara, telefon pintar (smartphone) dan seumpamanya.

7. PENGURUSAN NILAI

7.1. Semua projek ICT yang bernilai RM50 juta dan ke atas hendaklah melaksanakan Pengurusan Nilai (Value Management) seperti Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 3 Tahun 2009 bertajuk Garis Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai (Value Management).

7.2. Bagi projek ICT yang bernilai kurang daripada RM50 juta, Pengurusan Nilai hendaklah dilaksanakan bagi projek yang berimpak tinggi [contoh: projek yang berorientasikan pelanggan/rakyat (customer centric project)] yang diputuskan oleh JTISA.

8. JAMINAN KUALITI

8.1 Bagi projek yang kritikal dan berimpak tinggi seperti perolehan Sistem Kewangan dan Perakaunan, agensi hendaklah mengenal pasti keperluan memperoleh khidmat jaminan kualiti/pengujian perisian terhadap perolehan aplikasi/sistem ICT daripada pihak ketiga [Independent Validation and Verification (IVV)] selaras dengan 1PP PK2/2013 bertajuk Kaedah Perolehan Kerajaan – Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan.

9. SISTEM APLIKASI PROFIL PROJEK ICT (PROFIT)

9.1 Sistem Aplikasi PROFIT ialah sistem aplikasi untuk mendaftar dan merekod permohonan perolehan projek ICT, mengemas kini dan memantau semua projek ICT yang dibangunkan dan dilaksanakan oleh agensi Sektor Awam.

10. TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

10.1 Semua peringkat permohonan perolehan projek ICT perlu dikemukakan melalui Sistem Aplikasi PROFIT.

10.2 Semua permohonan perolehan projek ICT daripada agensi Kerajaan Persekutuan, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan hendaklah mendapat kelulusan JPICT di peringkat Kementerian dan kelulusan peruntukan daripada

agensi pusat yang meluluskan peruntukan kewangan Persekutuan sebelum dikemukakan kepada JTISA.

10.3 Permohonan perolehan projek ICT bagi agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) hendaklah mendapat kelulusan JPICT di peringkat agensi masing-masing dan kelulusan peruntukan daripada agensi pusat yang meluluskan peruntukan kewangan Persekutuan sebelum dikemukakan kepada JTISA.

10.4 Perolehan Projek ICT di peringkat Negeri perlu mendapat kelulusan JPICT Pejabat SUK Negeri dan kelulusan peruntukan daripada agensi pusat yang meluluskan peruntukan kewangan Persekutuan sebelum dikemukakan kepada JTISA. Badan Berkanun Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan pula hendaklah melaporkan perolehan ICT masing-masing kepada JPICT Pejabat SUK Negeri atau setara dengannya di Pejabat SUK Negeri untuk tujuan penyelarasan perolehan.

10.5 Bagi projek ICT PFI/PPP di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), JPM, permohonan hendaklah dikemukakan kepada JTISA selepas pelaksanaan Pengurusan Nilai [Value Management (VM)].

10.6 Format kertas cadangan serta templat slaid pembentangan boleh dirujuk dan dimuat turun dari laman sesawang http://www.mampu.gov.my dan melalui Sistem Aplikasi PROFIT.

10.7 Semua permohonan perolehan hendaklah mengambil kira pendekatan pelaksanaan dan ciri-ciri projek seperti di **LAMPIRAN C: Panduan Pendekatan Pelaksanaan dan Ciri-ciri Projek ICT**.

10.8 Semua permohonan perolehan projek ICT hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan seperti kajian yang telah dilaksanakan, laporan pengurusan nilai, laporan penggunaan, maklumat spesifikasi perkakasan/perisian dan seumpamanya bagi menyokong permohonan.

10.9 Had nilai projek ICT bagi perolehan baharu, peningkatan, pertambahan dan peluasan projek ICT yang memerlukan kelulusan seperti yang berikut:

(a) **Bagi Permohonan Perolehan Projek ICT yang melibatkan SISTEM APLIKASI**:

(i) Permohonan perolehan projek ICT **yang bernilai RM1 juta atau lebih hendaklah mendapat kelulusan teknikal JTISA**;

(ii) Permohonan perolehan projek ICT **yang bernilai RM50,000 atau lebih dan kurang daripada RM1 juta bagi**:

a. peringkat Kementerian (termasuk JPM)/Pejabat SUK Negeri hendaklah mendapat kelulusan teknikal daripada JPICT Kementerian/JPM/ Pejabat SUK Negeri masing-masing;

b. peringkat agensi di bawah Kementerian/Pejabat SUK Negeri hendaklah mendapat kelulusan teknikal daripada JPICT agensi masing-masing dan JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri; dan

c. peringkat agensi di bawah JPM hendaklah mendapat kelulusan teknikal daripada JPICT agensi masing-masing.

(iii) Permohonan perolehan projek ICT **yang bernilai kurang daripada RM50,000 bagi**:

a. peringkat Kementerian hendaklah mendapat kelulusan teknikal daripada Ketua Setiausaha Kementerian masing-masing;

b. peringkat JPM/Pejabat SUK Negeri hendaklah mendapat kelulusan teknikal daripada JPICT JPM/Pejabat SUK Negeri;

c. peringkat agensi di bawah Kementerian/ Pejabat SUK Negeri hendaklah mendapat

kelulusan teknikal JPICT agensi masing-masing; dan

d. peringkat agensi di bawah JPM hendaklah mendapat kelulusan teknikal daripada JPICT agensi masing-masing.

(b) **Bagi Permohonan Perolehan Projek ICT yang melibatkan PERKAKASAN dan/atau PERISIAN dan/ atau PERKHIDMATAN ICT**:

(i) Permohonan perolehan projek ICT **yang bernilai RM5 juta atau lebih hendaklah mendapat kelulusan teknikal JTISA**;

(ii) Permohonan perolehan projek ICT bernilai **RM500,000 atau lebih dan kurang daripada RM5 juta** bagi:

a. peringkat Kementerian (termasuk JPM)/Pejabat SUK Negeri hendaklah mendapat kelulusan teknikal JPICT Kementerian/JPM/Pejabat SUK Negeri masing-masing;

b. peringkat agensi di bawah Kementerian/ Pejabat SUK Negeri hendaklah mendapat kelulusan teknikal JPICT agensi masing-masing dan JPICT Kementerian/SUK Negeri; dan

c. peringkat agensi di bawah JPM hendaklah mendapat kelulusan teknikal JPICT agensi masing-masing.

(iii) Permohonan perolehan projek ICT bernilai kurang daripada **RM500,000** bagi:

a. peringkat Kementerian hendaklah mendapat kelulusan teknikal daripada Ketua Setiausaha Kementerian masing-masing;

b. peringkat JPM/Pejabat SUK Negeri hendaklah mendapat kelulusan teknikal daripada JPICT JPM/Pejabat SUK Negeri;

c. peringkat agensi di bawah Kementerian/ Pejabat SUK Negeri hendaklah mendapat kelulusan teknikal JPICT agensi masing-masing; dan

d. peringkat agensi di bawah JPM hendaklah mendapat kelulusan teknikal JPICT agensi masing-masing.

(iv) Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah memastikan supaya mekanisme pemantauan pelaksanaan perolehan projek ICT diperkemaskan supaya perolehan yang dibuat adalah berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan

perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan.

(c) **Permohonan Perolehan Projek Rintis ICT** yang melibatkan SISTEM APLIKASI **bernilai kurang daripada RM1 juta** dan/atau Permohonan Perolehan Projek Rintis ICT yang melibatkan PERKAKASAN (pembelian dan sewaan) dan/atau PERISIAN dan/atau RANGKAIAN dan/atau PERKHIDMATAN ICT bernilai **kurang daripada RM5 juta TETAPI jika anggaran nilai mengambil kira replikasi ke lokasi-lokasi lain masing-masing melebihi RM1 juta dan/atau RM5 juta hendaklah mendapat kelulusan teknikal JTISA**.

10.10 Jadual ringkasan bagi kategori perolehan, skop dan had nilai projek serta peringkat kelulusan teknikal projek ICT adalah seperti di **LAMPIRAN D: Had Nilai dan Peringkat Kelulusan Teknikal Projek ICT**.

10.11 Had nilai kelulusan teknikal projek ICT di perenggan 10.9 di atas **tidak termasuk** nilai Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

10.12 Carta alir permohonan kelulusan teknikal projek ICT adalah seperti di **LAMPIRAN E: Carta Alir Prosedur Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT**.

10.13 Sebelum perolehan projek ICT dilaksanakan oleh agensi Sektor Awam, semua projek ICT mesti mendapat kelulusan teknikal terlebih dahulu berdasarkan tatacara dan peraturan yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan ini. Kegagalan mematuhi peraturan ini akan memberi implikasi kepada proses pembayaran dan penyenggaraan.

11. PEMANTAUAN DAN PELAPORAN KEMAJUAN PEMBANGUNAN PROJEK ICT YANG DILULUSKAN OLEH JPICT DAN/ATAU JTISA

11.1 Semua pemantauan dan pelaporan kemajuan pembangunan projek ICT yang diluluskan oleh JPICT dan/atau JTISA dilaksanakan melalui Sistem Aplikasi PROFIT.

11.2 Agensi di bawah Kementerian/Pejabat SUK Negeri hendaklah memantau dan melaporkan kemajuan pembangunan projek ICT kepada JTI Kementerian/Pejabat SUK Negeri. Seterusnya, JTI Kementerian/Pejabat SUK Negeri melapor pembangunan projek ICT kepada JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri.

11.3 JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri, JPICT JPM/JPICT agensi di bawah JPM hendaklah melapor kemajuan pembangunan projek ICT kepada JTISA bagi projek ICT yang diluluskan oleh JTISA.

11.4 Kekerapan pemantauan dan pelaporan kemajuan pembangunan projek ICT adalah **setiap bulan** dari tarikh kelulusan JTISA atau JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri atau JPICT JPM atau JPICT agensi di bawah JPM.

12. PEMANTAUAN DAN PELAPORAN KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK ICT YANG DILULUSKAN OLEH JPICT DAN/ATAU JTISA

12.1 Semua pemantauan dan pelaporan kemajuan pelaksanaan projek ICT yang diluluskan oleh JPICT dan/atau JTISA dilaksanakan melalui Sistem Aplikasi PROFIT.

12.2 JTI Kementerian/Pejabat SUK Negeri hendaklah memantau dan melapor pelaksanaan projek ICT agensi di bawahnya kepada JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri. Seterusnya, JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri hendaklah melapor pelaksanaan projek ICT agensi di bawahnya yang diluluskan di peringkat JTISA kepada JTISA **selepas satu (1) tahun projek dilaksanakan (go live)**.

12.3 JPICT agensi di bawah JPM/JPICT JPM hendaklah melapor pelaksanaan projek ICT yang diluluskan oleh JTISA kepada JTISA **selepas satu (1) tahun projek dilaksanakan (go live)**.

13. PENUTUP

13.1 Semua agensi Sektor Awam hendaklah mematuhi Garis Panduan ini dalam memohon kelulusan teknikal perolehan projek ICT dan memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT.

BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT)

A-1 : Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian

Keahlian

Pengerusi: Ketua Setiausaha Kementerian atau Pegawai yang diturunkan kuasa

Ahli-ahli:

(i) Ketua-Ketua Jabatan, Badan Berkanun dan Bahagian di bawah Kementerian;
(ii) Ketua Pegawai Maklumat (Chief Information Officer) Kementerian;
(iii) Pengurus ICT;
(iv) Pegawai Keselamatan ICT;
(v) Ahli-ahli lain; dan
(vi) Ahli-ahli jemputan yang berkaitan.

Urus Setia: Bahagian/Unit/Seksyen ICT Kementerian

Bidang Tugas

(i) Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pembangunan dan pelaksanaan ICT Kementerian;

(ii) Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT Kementerian dan semua agensi di bawahnya;

(iii) Merancang dan menyelaras pembangunan program/projek ICT Kementerian dan semua agensi di bawahnya supaya selaras dengan pelan strategik organisasi dan pelan strategik ICT;

(iv) Menyelaras dan menyeragamkan pembangunan dan pelaksanaan ICT antara Kementerian dan semua agensi di bawahnya dengan pelan strategik organisasi dan pelan strategik ICT Sektor Awam;

(v) Mempromosi dan menggalakkan perkongsian pintar projek ICT antara Kementerian dan semua agensi di bawahnya;

(vi) Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT;

(vii) Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT Kementerian dan semua agensi di bawahnya, serta memahami keperluan, masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam pembangunan dan pelaksanaan ICT;

(viii) Menilai dan meluluskan semua perolehan ICT Kementerian dan semua agensi di bawahnya berdasarkan kepada

keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan;

(ix) Menyelaras dan mengemukakan kertas cadangan perolehan ICT bagi Kementerian dan semua agensi di bawahnya kepada JTISA untuk kelulusan teknikal;

(x) Mengemukakan laporan projek ICT yang diluluskan di peringkat JPICT Kementerian dan dibuat perolehan kepada JTISA; dan

(xi) Mengemukakan laporan kemajuan projek ICT bagi Kementerian dan semua agensi di bawahnya yang telah diluluskan oleh JTISA kepada JTISA mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

A-2 : Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan

Keahlian

Pengerusi: Ketua Jabatan/Badan Berkanun atau Pegawai yang diturunkan kuasa

Ahli-ahli:

(i) Ketua Pegawai Maklumat (Chief Information Officer) Jabatan/Badan Berkanun;
(ii) Ketua-Ketua Bahagian;
(iii) Pengurus ICT;
(iv) Pegawai Keselamatan ICT;
(v) Ahli-ahli lain; dan
(vi) Ahli-ahli jemputan yang berkaitan.

Urus Setia: Bahagian/Unit/Seksyen ICT Jabatan/Badan Berkanun

Bidang Tugas

(i) Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pembangunan dan pelaksanaan ICT agensi;

(ii) Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT agensi;

(iii) Merancang dan menyelaras pembangunan dan pelaksanaan program/projek ICT agensi;

(iv) Menyelaras dan menyeragamkan pembangunan ICT agensi agar selari dengan pelan strategik organisasi dan pelan strategik ICT agensi;

(v) Meluluskan projek ICT agensi berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan;

(vi) Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT agensi serta memahami keperluan, masalah dan isu yang dihadapi dalam pembangunan dan pelaksanaan ICT;

(vii) Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT;

(viii) Mengemukakan perolehan ICT yang telah diluluskan di peringkat JPICT Agensi kepada JPICT Kementerian untuk kelulusan; dan

(ix) Mengemukakan laporan kemajuan projek ICT yang telah diluluskan oleh JTISA kepada JPICT Kementerian mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

A-3 : Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM)

Keahlian

Pengerusi: Ketua Agensi atau Pegawai yang diturunkan kuasa

Ahli-ahli:

(i) Ketua Pegawai Maklumat (Chief Information Officer) Agensi;
(ii) Ketua-Ketua Bahagian;
(iii) Pengurus ICT;
(iv) Pegawai Keselamatan ICT;
(v) Ahli-ahli lain yang berkaitan; dan
(vi) Ahli-ahli jemputan yang berkaitan.

Urus Setia: Bahagian/Seksyen ICT Agensi

Bidang Tugas

(i) Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pembangunan dan pelaksanaan ICT agensi;

(ii) Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT agensi;

(iii) Merancang dan menyelaras pembangunan dan pelaksanaan program/projek ICT agensi;

(iv) Menyelaras dan menyeragamkan pembangunan ICT agensi agar selari dengan pelan strategik organisasi dan pelan strategik ICT agensi;

(v) Meluluskan projek ICT agensi berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan;

(vi) Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT agensi serta memahami keperluan, masalah dan isu yang dihadapi dalam pembangunan dan pelaksanaan ICT;

(vii) Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT;

(viii) Mengemukakan perolehan ICT yang telah diluluskan di peringkat JPICT Agensi kepada JTISA untuk kelulusan; dan

(ix) Mengemukakan laporan kemajuan projek ICT yang telah diluluskan kepada JTISA mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

A-4 : Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Negeri

Keahlian

Pengerusi: Setiausaha Kerajaan Negeri atau Pegawai yang diturunkan kuasa

Ahli-ahli:

(i) Ketua-Ketua Jabatan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Bahagian di bawah Kerajaan Negeri;
(ii) Ketua Pegawai Maklumat (Chief Information Officer) Kerajaan Negeri;
(iii) Pengurus ICT;
(iv) Pegawai Keselamatan ICT;
(v) Ahli-ahli lain yang berkaitan; dan
(vi) Ahli-ahli jemputan yang berkaitan.

Urus Setia: Bahagian/Unit ICT Pejabat SUK Negeri

Bidang Tugas

(i) Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pembangunan dan pelaksanaan ICT Kerajaan Negeri;

(ii) Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang

diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT kementerian/agensi;

(iii) Merancang dan menyelaras pembangunan program/projek ICT agensi Kerajaan Negeri supaya selaras dengan pelan strategik organisasi dan pelan strategik ICT Kerajaan Negeri;

(iv) Mempromosi dan menggalakkan perkongsian pintar projek ICT antara semua agensi di bawah Kerajaan Negeri;

(v) Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT;

(vi) Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT agensi Kerajaan Negeri, serta memahami keperluan, masalah dan isu yang dihadapi dalam pembangunan dan pelaksanaan ICT;

(vii) Meluluskan perolehan ICT bagi Pejabat SUK dan Jabatan Negeri berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan; dan

(viii) Menyelaras dan mengemukakan laporan perolehan ICT agensi di bawah Kerajaan Negeri kepada JTISA mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

A-5 : Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Jabatan Negeri/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan

Keahlian

Pengerusi: Ketua Agensi/Pegawai yang diturunkan kuasa

Ahli-ahli:

(i) Ketua Pegawai Maklumat (Chief Information Officer) Agensi atau yang setara;
(ii) Ketua-Ketua Bahagian;
(iii) Ketua Bahagian/Unit ICT atau yang setara;
(iv) Pegawai Keselamatan ICT atau yang setara;
(v) Ahli-ahli lain yang berkaitan; dan
(vi) Ahli-ahli jemputan yang berkaitan.

Urus Setia: Bahagian/Unit ICT Agensi

Bidang Tugas

(i) Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pembangunan dan pelaksanaan ICT agensi;

(ii) Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT kementerian/agensi;

(iii) Merancang dan menyelaras pembangunan dan pelaksanaan program/projek ICT agensi;

(iv) Menyelaras dan menyeragamkan pembangunan ICT agensi agar selari dengan pelan strategik organisasi dan pelan strategik ICT agensi;

(v) Meluluskan projek ICT agensi berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan;

(vi) Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT agensi serta memahami keperluan, masalah dan isu yang dihadapi dalam pembangunan dan pelaksanaan ICT;

(vii) Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT;

(viii) Mengemukakan cadangan perolehan ICT kepada JPICT Pejabat SUK Negeri untuk kelulusan (bagi Jabatan Negeri sahaja); dan

(ix) Mengemukakan laporan perolehan ICT yang telah diluluskan di peringkat JPICT agensi dan telah dibuat perolehan kepada JPICT Pejabat SUK Negeri.

BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT (JTI)

Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) Kementerian/Pejabat SUK Negeri

Keahlian

Pengerusi: Ketua Pegawai Maklumat (Chief Information Officer) Kementerian/Pejabat SUK Negeri atau Pegawai yang diturunkan kuasa

Ahli-ahli:

(i) Pengurus-Pengurus ICT Agensi di bawah Kementerian/ Pejabat SUK Negeri;
(ii) Pegawai Teknologi Maklumat Kementerian/Pejabat SUK Negeri; dan
(iii) Ahli-ahli jemputan yang berkaitan seperti Perunding/Pakar ICT MAMPU/pegawai dengan kepakaran khusus mengikut bidang [subject matter expert (SME)] dan pemilik projek.

Urus Setia: Bahagian/Seksyen/Unit ICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri

Bidang Tugas

(i) Memproses dan menilai semua permohonan perolehan projek ICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri dan semua agensi di bawahnya;

(ii) Mengesyorkan perakuan teknikal projek ICT kepada JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri;

(iii) Memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT agensi yang diluluskan oleh JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri dan JTISA dan melapor kepada JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri;

(iv) Mengenal pasti masalah dan isu semasa dalam pembangunan atau pelaksanaan projek ICT agensi di bawah Kementerian/Pejabat SUK Negeri serta mengesyorkan cadangan penyelesaian kepada JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri; dan

(v) Menyediakan laporan kepada JPICT Kementerian/ Pejabat SUK Negeri mengikut keperluan.

PANDUAN PENDEKATAN PELAKSANAAN DAN CIRI-CIRI PROJEK ICT

PENDEKATAN PELAKSANAAN PROJEK ICT
1. Menepati keperluan pemegang taruh (stakeholder)/pengguna (fit for purpose). 2. Mengambil kira aspek keselamatan, pematuhan kepada standard terbuka serta standard sedia ada. 3. Kepakaran dan kapasiti ICT di agensi untuk menyokong pelaksanaan projek. 4. Mengambil kira spesifikasi peralatan terkini di pasaran. 5. Mewujudkan struktur tadbir urus projek untuk menjamin dan mengekalkan kesinambungan projek. 6. Tempoh pelaksanaan yang realistik. 7. Mengambil kira inisiatif ICT Sektor Awam sedia ada bagi memastikan tiada pertindihan.

CIRI-CIRI PROJEK ICT

Perkakasan/Perisian/Lesen	Aplikasi	Perkhidmatan	Rangkaian
1. Kesesuaian spesifikasi dengan matlamat penggunaan. 2. Kebolehskalaan (Scalability – start small, expand when needed). 3. Kesesuaian konfigurasi server (should be able to sustain application requirement for a certain period of time). 4. Bilangan unit diperlukan berbanding perjawatan. 5. Menggalakkan perkongsian perkakasan.	1. Senibina Perkhidmatan dan Senibina Maklumat aplikasi. 2. Senarai modul aplikasi. 3. Mematuhi kitar hayat pembangunan sistem. 4. *Platform* yang dicadangkan. 5. Pangkalan data. 6. Struktur data mengikut standard *Data Dictionary* Sektor Awam. 7. Integrasi/saling kendali (interoperability) dengan sistem legasi, dalaman dan luaran.	1. Kaji keupayaan sumber manusia di agensi berbanding dengan perkhidmatan teknikal yang dipohon. 2. Bandingkan kepakaran ICT sedia ada di agensi dengan permohonan perkhidmatan teknikal yang diperlukan. 3. Justifikasi dan perincian setiap perkhidmatan yang diperoleh berserta perincian kos sumber manusia (mandays). 4. Kesesuaian skop projek dengan jenis dan tempoh latihan serta TOT bagi tujuan penggunaan dan penyelenggaraan sistem.	1. Keupayaan infrastruktur rangkaian sedia ada (LAN, WAN). 2. Spesifikasi dan reka bentuk yang dicadangkan/Senibina Teknologi. 3. Kesesuaian teknologi rangkaian. 4. Keselamatan rangkaian (firewall, router, WAF, switches, IPS, IDS dll.). **Peningkatan / Peluasan** 1. Kekangan infrastruktur sedia ada. 2. Kajian impak termasuk penggunaan jaringan (network utilisation)/prestasi (performance).

Perkakasan/Perisian/Lesen	Aplikasi	Perkhidmatan	Rangkaian
6. Nisbah pegawai kepada perkakasan (1:1) bagi komputer peribadi (PC) atau komputer riba (notebook). 7. Senarai agihan perkakasan/perisian serta justifikasi perolehan. 8. Pelan pelupusan bagi perkakasan yang hendak diganti. 9. Lesen caj sekali atau kos berulang. 10. Pematuhan kepada IPv6. 11. Ke arah ICT hijau.	8. Pendekatan pelaksanaan (berpusat, teragih, hosting, dan sebagainya). 9. Kepakaran ICT yang ada. 10. Potensi perkongsian pintar. 11. Kebolehskalaan (Scalability - start small, grow as required). 12. Pelan Migrasi. **Peningkatan** 1. Kekangan sistem sedia ada. 2. Keperluan tambahan bagi menyokong peningkatan sistem. **Peluasan** 1. Melaksanakan kajian impak projek sedia ada sebelum peluasan: i. Kesediaan sistem (system readiness); ii. Kesediaan lokasi dan infrastruktur (location and infrastructure readiness); dan iii. Kesediaan pengguna (User readiness). 2. Pelan peluasan.		

LAMPIRAN D

HAD NILAI DAN PERINGKAT KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

I : BAGI KEMENTERIAN

BIL	PROJEK			PERINGKAT KELULUSAN		
	KATEGORI PEROLEHAN PROJEK	SKOP PROJEK	NILAI PROJEK(RM) JUTA (J) RIBU (K)	KETUA SETIAUSAHA	JPICT KEMENTERIAN	JTISA
A	Projek Baharu	1. Pembangunan, naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	< 50K	✓	-	-
			≥ 50K hingga < 1J	-	✓	-
			≥ 1J	-	✓	✓
		2. Perolehan perkakasan dan/atau perisian dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-	-
			≥ 500K hingga <5J	-	✓	-
			≥ 5J	-	✓	✓
B	Peningkatan Sistem	1. Naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	< 1J	-	✓	-
			≥ 1J	-	✓	✓
		2. Naik taraf perkakasan dan/atau perisian dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-	-
			≥ 500K hingga <5J	-	✓	-
			≥ 5J	-	✓	✓
C	Pertambahan Peralatan	Perolehan perkakasan dan/atau perisian dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-	-
			≥ 500K hingga <5J	-	✓	-
			≥ 5J	-	✓	✓
D	Peluasan Projek	1. Peluasan penggunaan sistem aplikasi.	< 1J	-	✓	-
			≥ 1J	-	✓	✓
		2. Perolehan perkakasan dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-	-
			≥ 500K hingga <5J	-	✓	-
			≥ 5J	-	✓	✓

LAMPIRAN D

HAD NILAI DAN PERINGKAT KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

II : BAGI JPM / PEJABAT SUK NEGERI

BIL	PROJEK			PERINGKAT KELULUSAN	
	KATEGORI PEROLEHAN PROJEK	SKOP PROJEK	NILAI PROJEK(RM) JUTA (J) RIBU (K)	JPICT JPM/PEJABAT SUK NEGERI	JTISA
A	Projek Baharu	1. Pembangunan, naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	< 50K	✓	-
			≥ 50K hingga < 1J	✓	-
			≥ 1J	✓	✓
		2. Perolehan perkakasan dan/atau perisian dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-
			≥ 500K hingga <5J	✓	-
			≥ 5J	✓	✓
B	Peningkatan Sistem	1. Naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	< 1J	✓	-
			≥ 1J	✓	✓
		2. Naik taraf perkakasan dan/atau perisian dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-
			≥ 500K hingga <5J	✓	-
			≥ 5J	✓	✓
C	Pertambahan Peralatan	Perolehan perkakasan dan/atau perisian dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-
			≥ 500K hingga <5J	✓	-
			≥ 5J	✓	✓
D	Peluasan Projek	1. Peluasan penggunaan sistem aplikasi.	< 1J	✓	-
			≥ 1J	✓	✓
		2. Perolehan perkakasan dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-
			≥ 500K hingga <5J	✓	-
			≥ 5J	✓	✓

LAMPIRAN D

HAD NILAI DAN PERINGKAT KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

III : BAGI AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN / PEJABAT SUK NEGERI

BIL	PROJEK			PERINGKAT KELULUSAN		
	KATEGORI PEROLEHAN PROJEK	SKOP PROJEK	NILAI PROJEK(RM) JUTA (J) RIBU (K)	JPICT AGENSI	JPICT KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI	JTISA
A	Projek Baharu	1. Pembangunan, naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	< 50K	✓	-	-
			≥ 50K hingga < 1J	✓	✓	-
			≥ 1J	✓	✓	✓
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-	-
			≥ 500K hingga <5J	✓	✓	-
			≥ 5J	✓	✓	✓
B	Peningkatan Sistem	1. Naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	< 1J	✓	✓	-
			≥ 1J	✓	✓	✓
		2. Naik taraf perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-	-
			≥ 500K hingga <5J	✓	✓	-
			≥ 5J	✓	✓	✓
C	Pertambahan Peralatan	Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-	-
			≥ 500K hingga <5J	✓	✓	-
			≥ 5J	✓	✓	✓
D	Peluasan Projek	1. Peluasan penggunaan sistem aplikasi.	< 1J	✓	✓	-
			≥ 1J	✓	✓	✓
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	< 500K	✓	-	-
			≥ 500K hingga <5J	✓	✓	-
			≥ 5J	✓	✓	✓

LAMPIRAN D

HAD NILAI DAN PERINGKAT KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

IV : BAGI AGENSI DI BAWAH JPM

BIL	PROJEK			PERINGKAT KELULUSAN	
	KATEGORI PEROLEHAN PROJEK	SKOP PROJEK	NILAI PROJEK(RM) JUTA (J) RIBU (K)	JPICT AGENSI	JTISA
A	Projek Baharu	1. Pembangunan, naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	< 1J	✓	-
			≥ 1J	✓	✓
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	<5J	✓	-
			≥ 5J	✓	✓
B	Peningkatan Sistem	1. Naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	< 1J	✓	-
			≥ 1J	✓	✓
		2. Naik taraf perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	<5J	✓	-
			≥ 5J	✓	✓
C	Pertambahan Peralatan	Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	<5J	✓	-
			≥ 5J	✓	✓
D	Peluasan Projek	1. Peluasan penggunaan sistem aplikasi.	< 1J	✓	-
			≥ 1J	✓	✓
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	<5J	✓	-
			≥ 5J	✓	✓

CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI/AGENSI	JPICT AGENSI	JTI/JPICT KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI	JTISA	PENERANGAN
				1. Kementerian/Pejabat SUK Negeri/Agensi mengemukakan permohonan projek ICT melalui Sistem Aplikasi PROFIT. 2. Aliran permohonan berdasarkan kategori agensi seperti yang berikut: (a) A – Kementerian (termasuk JPM)/ Pejabat SUK Negeri. (b) B – Agensi di bawah Kementerian/Pejabat SUK Negeri. (c) C – Agensi di bawah JPM. 3. Urus setia Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Agensi menyemak prasyarat permohonan projek ICT untuk memastikan semua permohonan mempunyai peruntukan kewangan yang telah diluluskan oleh agensi pusat yang meluluskan peruntukan kewangan dan mematuhi syarat lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa. 4. Bagi permohonan projek ICT yang mematuhi Para 3, urus setia JPICT Agensi menyemak dan melengkapkan kertas permohonan berdasarkan ciri-ciri projek ICT seperti di **LAMPIRAN C**. Permohonan projek ICT yang tidak mematuhi Para 3 tidak akan dibawa ke peringkat seterusnya.

CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI/AGENSI	JPICT AGENSI	JTI/JPICT KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI	JTISA	PENERANGAN
				5. Urus setia JPICT Agensi menyediakan draf ulasan teknikal sebelum kertas permohonan projek ICT dibentangkan dalam Mesyuarat JPICT Agensi. 6. Surat keputusan akan dikeluar dan dimaklumkan kepada agensi berdasarkan keputusan Mesyuarat sama ada permohonan projek ICT Lulus, Lulus Bersyarat, Kaji Semula atau Tolak. 7. Bagi permohonan projek ICT agensi selain JPM yang lulus atau lulus bersyarat dan melepasi had nilai yang ditetapkan, permohonan dikemukakan kepada urus setia JTI Kementerian/Pejabat SUK Negeri. 8. Bagi permohonan projek ICT agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang lulus atau lulus bersyarat dan melepasi had nilai yang ditetapkan, permohonan dikemukakan terus kepada urus setia Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA).

CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI/AGENSI	JPICT AGENSI	JTI/JPICT KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI	JTISA	PENERANGAN
				9. Urus setia JTI Kementerian/Pejabat SUK Negeri menerima permohonan projek ICT daripada Kementerian/ Pejabat SUK Negeri/Agensi melalui Sistem Aplikasi PROFIT. 10. Urus setia JTI Kementerian/ Pejabat SUK Negeri menyemak kertas permohonan bagi projek ICT Kementerian /Agensi untuk memastikan permohonan mematuhi prasyarat yang ditetapkan seperti yang berikut: (a) Ada peruntukan kewangan yang telah diluluskan oleh agensi pusat yang meluluskan peruntukan kewangan dan mematuhi syarat lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa; (b) Kelulusan Teknikal Agensi; dan (c) Melepasi had nilai yang ditetapkan.

CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI/AGENSI	JPICT AGENSI	JTI/JPICT KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI	JTISA	PENERANGAN
				11. Bagi permohonan projek ICT yang mematuhi prasyarat, urus setia JTI Kementerian/Pejabat SUK Negeri semak semula secara terperinci kertas permohonan berdasarkan ciri-ciri projek ICT seperti di LAMPIRAN C. Permohonan projek ICT yang tidak mematuhi prasyarat tidak akan dibawa ke peringkat seterusnya. 12. Urus setia JTI Kementerian/ Pejabat SUK Negeri mengadakan mesyuarat JTI dengan agensi bagi memahami, melengkapkan dan menilai kertas permohonan projek ICT Kementerian/Agensi. 13. Urus setia JTI Kementerian/ Pejabat SUK Negeri menyediakan draf ulasan teknikal dan mengesyorkan kepada urus setia JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri sebelum kertas permohonan projek ICT dibentangkan dalam Mesyuarat JPICT Kementerian. 14. Urus setia JPICT Kementerian/ Pejabat SUK Negeri mengadakan Mesyuarat JPICT Kementerian/Pejabat SUK Negeri.

CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI/AGENSI	JPICT AGENSI	JTI/JPICT KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI	JTISA	PENERANGAN
				15. Surat keputusan akan dikeluarkan dan dimaklumkan kepada Kementerian/Agensi berdasarkan keputusan Mesyuarat sama ada permohonan projek ICT Lulus, Lulus Bersyarat, Kaji Semula atau Tolak. 16. Bagi permohonan projek ICT Kementerian/Agensi yang lulus atau lulus bersyarat dan melepasi had nilai yang ditetapkan, permohonan dikemukakan kepada urus setia JTISA.

CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI/AGENSI	JPICT AGENSI	JTI/JPICT KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI	JTISA	PENERANGAN
				17. Urus setia JTISA menerima permohonan projek ICT daripada Kementerian atau Agensi di bawah JPM melalui Sistem Aplikasi Penilaian dan Pemantauan Projek ICT Sektor Awam. 18. Proses semakan dan analisis kertas permohonan ditugaskan kepada pegawai yang bertanggungjawab mengikut Kementerian/Agensi.

CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI/AGENSI	JPICT AGENSI	JTI/JPICT KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI	JTISA	PENERANGAN
				19. Urus setia JTISA menyemak kertas permohonan bagi projek ICT Kementerian/Agensi untuk memastikan permohonan mematuhi prasyarat yang ditetapkan seperti yang berikut: **Projek ICT** a. Ada peruntukan kewangan yang telah diluluskan oleh agensi pusat yang meluluskan peruntukan kewangan; b. Kelulusan Teknikal JPICT Kementerian; c. Melepasi had nilai kelulusan projek ICT yang ditetapkan; d. Sebelum tarikh tutup permohonan; dan e. Syarat lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa. **Projek ICT PFI/PPP** a. Kelulusan prinsip oleh Jemaah Menteri, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), JPM; b. Laporan Pengurusan Nilai; c. Sebelum tarikh tutup permohonan; dan d. Syarat lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa.

CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI/AGENSI	JPICT AGENSI	JTI/JPICT KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI	JTISA	PENERANGAN
				20. Bagi permohonan projek ICT yang mematuhi prasyarat, urus setia JTISA menyemak kertas permohonan berdasarkan ciri-ciri projek ICT seperti **di LAMPIRAN C**. Permohonan projek ICT yang tidak mematuhi prasyarat tidak akan dibawa ke peringkat seterusnya. 21. Urus setia JTISA mengadakan perbincangan bersama-sama Agensi bagi memahami, melaksanakan analisis dan melengkapkan kertas permohonan projek ICT Kementerian/Agensi. 22. Urus setia JTISA menyediakan ulasan teknikal sebelum kertas permohonan projek ICT dibentangkan dalam Mesyuarat JTISA.

LAMPIRAN E

CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI/AGENSI	JPICT AGENSI	JTI/JPICT KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI	JTISA	PENERANGAN
				23. Urus setia JTISA membentangkan kertas permohonan projek ICT dalam Mesyuarat JTI. 24. Urus setia JTISA menyedia, mencetak dan mendapatkan tandatangan Pengerusi Mesyuarat JTISA bagi kertas keputusan berdasarkan keputusan mesyuarat sama ada permohonan projek ICT Lulus, Lulus Bersyarat, Kaji Semula atau Tolak. 25. Urus setia JTISA menyerahkan kertas keputusan kepada urus setia JPICT Kementerian/Agensi di bawah JPM pada hari mesyuarat bersidang.

LAMPIRAN E

CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI/AGENSI	JPICT AGENSI	JTI/JPICT KEMENTERIAN/PEJABAT SUK NEGERI	JTISA	PENERANGAN
				26. Urus setia JTISA menyedia, mencetak dan mendapatkan tandatangan Ketua Pengarah MAMPU bagi Surat Keputusan selepas mesyuarat. 27. Urus setia JTISA menghantar Surat Keputusan kepada Kementerian/Pejabat SUK Negeri/Agensi di bawah JPM yang mempunyai JPICT masing-masing untuk tindakan selanjutnya berdasarkan keputusan mesyuarat JTISA.